

Isu sembahyang dua imam di Masjid Ar-Rahman selesai

UM 25 AUG 2007

KUALA LUMPUR 24 Ogos— Isu sembahyang dua imam di Masjid Ar-Rahman Universiti Malaya (UM) yang menimbulkan kontroversi bar-u-baru ini telah selesai.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Che Min Che Ahmad berkata, ini kerana para jemaah di masjid tersebut telah menerima semula dua imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Bagaimanapun beliau berkata, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) tetap meneruskan oemantauan ke atas masjid tersebut bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

“Segala-galanya telah selesai sekarang. Para jemaah di masjid ini telah menerima semula dua imam yang telah dilantik oleh pihak MAIWP,” katanya kepada *Utusan* selepas sembahyang Jumaat dan tahlil sempena kemerdekaan di Masjid Negara, hari ini.

Pendedahan *Utusan* mengenai gejala dua imam di masjid tersebut turut menerima reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengecam Parti Pas kerana memecahbelahkan umat Islam di negara ini sehingga berlaku insiden sembahyang dua imam.

Kontroversi sembahyang dua imam itu mula tercetus dipercayai berpunca daripada tindakan memulau dua imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) iaitu Farid Hani dan Abdullah Osman sebagai tambahan kepada dua imam sedia ada.

Imam Masjid Ar-Rahman Universiti Malaya (UM), Ali Kadri berkata kejadian tersebut kononnya dilakukan sebagai tanda protes segelintir penduduk temnatan terhadap pelantikan Farid dan Abdullah yang bukan dari kariah tersebut.

Ekoran itu MAIWP telah mengeluarkan notis supaya gejala sembahyang dua imam tidak berlaku di masjid tersebut dan sesiapa yang ingkar dengan arahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali sekiranya sabit kesalahan.

Apabila ditanya sama ada terdapat masjid-masjid lain di sekitar Wilayah Persekutuan mempunyai masalah dua imam, Che Min berkata, setakat ini gejala tersebut tidak menular ke masjid-masjid lain.

“Kami sentiasa memantau gejala ini agar ia tidak berlaku di tempat-tempat lain dan sehingga ini masjid-masjid lain di bawah pentadbiran JAWI tidak menghadapi masalah tersebut,” tambahnya.